



ENGKU NOR ZALIFAH ENGKU ABDUL RASED

LATAR BELAKANG

Beliau merupakan graduan Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang kini dikenali sebagai ASWARA dalam Diploma Teater dan beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan (Drama) dari Universiti Malaya (UM).

Beliau berpengalaman dalam lakonan pementasan teater yang pernah dipentaskan di sekitar Kuala Lumpur seperti Teater *Imbas* arahan Marlia Musa di Panggung Eksperimen, Teater *Nur* arahan M. Nasir Ayob di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Teater *Syakuntala* arahan Wisran Hadi (Pensyarah Indonesia) di Auditorium DBKL, Bangsawan *Taming Sari* arahan Rahman B di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC), Teater *Faust* arahan Ariff Waran di Balai Seni Lukis, Bangsawan *Delima Sri Temiang* arahan Rahman B di Auditorium DBKL, Mak Yong *Dewa Indera Dewa* arahan Fatimah Abdullah di Panggung Terbuka MaTiC, Teater *Eksperimen Impian Di Musim Panas* arahan Rohani Yousuf di Panggung Terbuka MaTiC, REMAJA *Sitcom Klik Anggun* arahan Shuhaimi Baba (Pesona Picture), Bangsawan *Menjunjung Duli* arahan Rahman B di MaTiC, Teater *Bacche* arahan Shahrul Nizam di Panggung Terbuka MaTiC, Teater *Sui Gui (Theatre Workshop Mr. Hirata)* dari *Japan Foundation* di Galeri Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Seterusnya, Teater *Medea* arahan Shariful Akma (*Final Project Diploma*) di MaTiC, Teater *Zikir Ratna* arahan M. Nasir Ayob di MaTiC, Teater *Nyonya* arahan Wisran

Hadi di MaTiC, Teater *Tun Fatimah* arahan Rosdeen Suboh di Istana Budaya (IB), Teater *Nuri dan Lokomotif* arahan Wawan (Pensyarah Indonesia) di *Black Box* ASWARA, Teater *Pygmalion* arahan Shariful Akma di MaTiC, Drama Tari *UMNO HARAPAN BANGSA* ketika Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC), Mak yong *Raja Tangkai Hati* arahan Engku Normalareesa di MaTiC, Teater *The Maids* arahan Lenny Erwan di *Black Box* Universiti Malaya (UM), Kabuki Teater *Pengganti Zen* arahan Roselina Khir Johari di Dewan Tunku Canselor UM, Teater *Melati dan Melur* arahan Lenny Erwan di Taman Budaya Kuala Lumpur, Teater *Dari M ke M* arahan Lenny Erwan di Stor Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Teater adaptasi *Medea* dari *Greece Marina Mergou* di Panggung Eksperimen (ET) ASWARA, Teater *Kelam* arahan Khairunazwan di ET ASWARA, Teater *B1N2* arahan Marlia Musa di ET ASWARA, Bangsawan *Badang* arahan M. Nasir Ayob di Auditorium DBKL, dan persembahan solo bagi Monolog bertajuk *No Smoking..Please* arahan Lenny Erwan di Mini Auditorium MaTiC.

Beliau juga berpengalaman dalam pengarahannya pementasan teater antaranya *Naga Saki* di UM, Teater Moden *Dari M ke M* di MaTiC, Teater Moden *Buat Menyapu Si Air Mata* di *Black Box* ASWARA, Teater Moden *Rumah Kedai di Jalan Seladang* di *Black Box* ASWARA, Teater Moden *Kerongsang Puziah* di *Black Box* ASWARA dan Taman Budaya Negeri Terengganu, Teater Moden *Alang Rentak Seribu* di *Black Box* ASWARA, Emotif *Penantian* di *Black Box* ASWARA, *Perempuan Seorang Leftenan Inggeris* di *Black Box* ASWARA, dan Teater Kanak-Kanak *Hikayat Sebuah Pengembaraan* di ET ASWARA.

Beliau pernah terlibat sebagai tenaga pengajar di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) selain menjadi panel untuk majlis teater Sekolah Menengah, Modul Seni Cemerlang bidang Teater anjuran Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan Negara (JKKN). Kini, beliau bertugas sebagai Pensyarah Tetap di Fakulti Teater, ASWARA.